

Ku Li: Khidmat Dr. Mahathir masih diperlukan

UM 2 III 2003
GUA MUSANG 1

Julai – Ahli Parli-
men Gua Musang,
Tengku Razaleigh
Hamzah berpenda-
pat khidmat Datuk
Seri Dr. Mahathir
Mohamad masih
lagi diperlukan oleh
parti dan negara.

Menurut Tengku
Razaleigh, beliau be-
rasa dukacita apabi-
la Perdana Menteri
membuat keputusan
untuk mengundur-
kan diri selepas Ok-
tober 2003 walau-
pun hasratnya itu
diterima umum.

Beliau berpenda-
pat, Dr. Mahathir masih diperlukan teruta-
ma untuk memulihkan keyakinan rakyat
terhadap masalah ekonomi, kestabilan poli-
tik, pembangunan negara dan banyak lagi.

Beliau yang juga anggota Majlis Tertinggi
UMNO berkata demikian kepada pemberita
selepas merasmikan mesyuarat Persatuan
Ibu bapa dan Guru (PIBG) dan bangunan
tambahan Sekolah Menengah Kebangsaan
(SMK) Paloh di sini.

“Secara peribadi saya masih mengharap-
kan kepimpinan Dr. Mahathir untuk mene-
ruskan kesinambungan pembangunan nega-
ra dan kecemerlangan Barisan Nasional
(BN) kepada rakyat.

“Saya pernah beberapa kali secara periba-
di menyatakan sokongan kepada Perdana
Menteri termasuk ketika Perdana Menteri
melawat Gua Musang dua tahun lalu,”
katanya.

Tengku Razaleigh yang juga ahli Majlis
Tertinggi (MT) UMNO berkata, beliau be-
lum bersemuka dengan Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir telah mengumumkan rancan-
gan peletakan jawatannya dalam parti dan
kerajaan semasa Perhimpunan Agung UM-
NO di Pusat Dagangan Dunia Putra 22 Jun
lepas.

Dr. Mahathir Mohamad menetapkan pele-
takan jawatan beliau akan berlaku selepas
Persidangan Kemuncak Pertubuhan Persi-
dangan Islam (OIC) yang akan diadakan pa-
da 24 hingga 25 Oktober 2003 serta mena-
makan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi
sebagai bakal penggantinya.